

25 MAY 2000

Kelantan-Pinjaman

NIK AZIZ INGIN JUMPA DR MAHATHIR MENGENAI PINJAMAN RM600 JUTA

KOTA BAHARU, 25 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bercadang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi berbincang mengenai permohonan kerajaan Kelantan mendapatkan pinjaman berjumlah RM600 juta bagi pembangunan bekalan air di negeri ini.

Nik Aziz berkata apabila semua kertas kerja berhubung pinjaman itu disiapkan kerajaan negeri, beliau bercadang menemui Perdana Menteri untuk memberi penjelasan tentang perlunya pinjaman itu bagi meningkatkan sistem bekalan air bersih kepada rakyat Kelantan.

"Apabila pihak (kerajaan) pusat beri peluang kepada saya untuk berjumpa Perdana Menteri, saya akan pergilah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan bangunan baru pasar Kedai Buluh dekat sini, hari ini.

Pada April tahun lepas, Dr Mahathir mengumumkan bahawa kerajaan pusat bersedia memberikan pinjaman sebanyak RM600 juta seperti yang dipohon kerajaan Kelantan bagi membolehkan projek meningkatkan taraf dan kemudahan bekalan air di negeri itu dilaksanakan.

Pelaksanaan projek itu perlu setelah Kelantan mengalami masalah kritikal air bersih yang berpanjangan sehingga penduduk di banyak kawasan tidak mendapat bekalan air paip kerana tekanan rendah, dan sebaliknya menggali telaga.

Pada awal tahun ini, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu meminta kerajaan Kelantan memperbaharui permohonan pinjaman itu serta menghantar kertas kerja lengkap berhubung pelaksanaan projek itu.

Nik Aziz berkata kertas kerja dari segi perundangan, kewangan dan teknikal mengenai pembangunan bekalan air negeri itu kini di peringkat akhir dan dijangka siap "dua-tiga hari lagi".

Ditanya mengenai cadangan supaya kerajaan Kelantan menambah dua lagi Exco kerajaan negeri daripada enam orang sekarang ini, Nik Aziz berkata perkara itu akan dibincangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri yang akan datang, yang dijadualkan berlangsung Jun ini.

Beliau berkata langkah untuk menambah bilangan anggota Exco itu juga perlu mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan Kelantan pada masa ini.

-- BERNAMA

RAR NMO